



ADON SHAHLAN (dua dari kiri) memakaikan jaket keselamatan kepada seorang nelayan dalam Program Sahabat Maritim Bersama Masyarakat di Kampung Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, Melaka semalam. Turut kelihatan Mazlan Mat Rejab (kiri).

183 tangkapan sepanjang perairan empat negeri

ALOR GAJAH 8 Okt. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Wilayah Selatan telah membuat sebanyak 183 tangkapan di sepanjang perairan empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor sepanjang tempoh Januari hingga baru-baru ini.

Pengarah Maritim Malaysia wilayah itu, Laksamana Pertama Maritim, Adon Shahlan berkata, kebanyakan kesalahan yang dilakukan adalah membabitkan kes pendatang asing tanpa izin (PATI), penyeludupan rokok dan perdagangan antara kapal yang dilakukan di sepanjang perairan itu.

Menurutnya, kebanyakan tangkapan PATI itu membabitkan kes yang berlaku di perairan Selangor manakala kes penyeludupan rokok pula sering berlaku di perairan Johor.

"Sepanjang tahun ini Maritim Malaysia Wilayah Selatan telah membuat 183 tangkapan manakala di sepanjang perairan Melaka dan Negeri Sembilan, sebanyak 10 kes tangkapan atau penguatkuasaan telah dibuat

manakala tujuh kes mencari dan menyelamat dilakukan di dua negeri ini.

"Pihak Maritim Malaysia khususnya di wilayah ini sentiasa meningkatkan kawalan termasuk mengadakan hubungan kerjasama dengan penduduk tempatan bagi memastikan mereka menjadi mata dan telinga pasukan ini dalam menyalurkan maklumat mengenai keselamatan perairan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Sahabat Maritim bersama penduduk Kampung Kuala Sungai Baru di pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat dekat sini yang dihadiri kira-kira 500 peserta.

Yang turut hadir, Pengarah Maritim Malaysia D5 Kuala Linggi, Mazlan Mat Rejab dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka, Mohd. Jamil Abdullah.

Program Sahabat Maritim ini merupakan kali ketujuh dianjurkan oleh Maritim Malaysia Wilayah Selatan dan kali keempat diadakan di Melaka secara

bergilir-gilir dengan Negeri Sembilan bagi mewujudkan hubungan yang baik antara agensi itu dengan penduduk setiap kawasan.

Menurut Adon, pihaknya dalam pada itu sentiasa berharap supaya bilangan kes jenayah perairan dapat dikurangkan dengan kerjasama penduduk menyalurkan maklumat berkaitan penyeludupan, kemasukan PATI atau sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang perairan negara.

"Maritim Malaysia wilayah ini juga berpuas hati kerana sepanjang tahun ini, tiada kes penyeludupan rokok, tangkapan PATI atau kes rompakkan berlaku di sepanjang perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

"Kita tidak berbangga dengan jumlah tangkapan yang tinggi sebaliknya kita mahu masyarakat turut membantu menyalurkan maklumat dengan menghubungi mana-mana pejabat kami atau talian kecemasan 999 sekiranya mereka ingin membantu menguruskan kes-kes masalah di perairan," katanya.